

## Kenali Diri Sendiri

Daripada Abu Hurairah RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَنْظِرُوا إِلَى مَنْ هُوَ أَسْفَلَ مِنْكُمْ، وَلَا تَنْظُرُوا إِلَى مَنْ هُوَ فَوْقَكُمْ، فَهُوَ أَجْدَرُ أَنْ لَا تَزِدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ

**Maksudnya:** “Lihatlah kepada orang yang lebih rendah daripada kamu, dan janganlah melihat kepada orang yang lebih tinggi dari kamu. Yang demikian itu adalah lebih baik bagimu untuk tidak meremehkan nikmat Allah yang dikurniakan kepadamu.”

Hadis *muttafaq alaihi*. Riwayat al-Bukhari (6125) dan Muslim (8-9)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Amr bin Syu'aib daripada ayahnya, daripada datuknya berkata: Nabi SAW bersabda: “Dua jenis sifat, siapa yang memiliki kedua-duanya maka dicatat di sisi Allah sebagai ahli syukur dan sabar. Pertama, jika ia dalam hal agama selalu memperhatikan orang yang lebih tinggi untuk meniru dan mengikutinya, dan dalam hal dunia selalu melihat kepada orang yang lebih rendah daripadanya sehingga ia dapat bersyukur kepada Allah.”
2. Mengikut Kamus Dewan Edisi Keempat, *syukur* mempunyai banyak makna antaranya *terima kasih, untunglah, mujurlah, bertuah*. Bersyukur pula ialah *berasa syukur dan berterima kasih*.

3. Melihat kepada orang yang lebih rendah akan menginsafkan kita untuk menambahkan kesyukuran dan berterima kasih kepada Allah di atas segala nikmat yang dikurniakan kepada kita. Inilah yang sewajarnya diamalkan.
4. Sebaliknya dengan melihat kepada golongan yang melebihi nikmatnya daripada kita akan membuahkan sifat yang tidak baik serta perasaan tamak yang meluak-luak. Pada saat yang sama, hilang rasa syukur kepada Allah, sebaliknya merasa tidak puas hati, berputus asa dan tidak reda dengan qada' dan qadar.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Ibn Abbas R.Anhuma berkata:** Sesungguhnya Allah menjadikan makhluk pilihannya, iaitu apabila mereka berbuat baik merasa gembira, jika membuat salah segera meminta ampun, bila mendapat nikmat bersyukur, dan jika menderita mereka bersabar.
- ❖ **Pujangga berkata:** Lihatlah orang yang lebih rendah dari diri anda dalam hal tubuh badan, rupa paras, rumah tangga, pekerjaan dan keluarga agar anda mengerti bahawa yang lebih rendah dari anda dalam hal-hal dimaksudkan masih ramai.

### Kisah Teladan

Dalam kitab *al-Sahihain* dari Rasulullah SAW bahawa ada tiga orang dari Bani Israel yang buta, botak dan yang berpenyakit kusta. Allah SWT hendak menguji mereka, Allah mengirim malaikat kepada mereka, malaikat yang mendatangi orang yang botak bertanya seraya berkata, apa yang anda inginkan, dia menjawab saya mahu rambut yang dapat menghiasi dan memperindah kepala saya, kerana manusia telah mencela dan menghinaku. Maka diapun memohon kepada Allah supaya diberi rambut maka dalam sekelip mata sahaja Allah mencantikkan kepalanya yang botak dengan tumbuhnya rambut yang cantik, sebagaimana firman Allah SWT:

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

**Maksudnya:** *Sesungguhnya keadaan-Nya apabila Dia menghendaki sesuatu hanyalah berkata kepadanya, Jadilah! maka terjadilah ia.*

(Surah Yasin: 82)

Malaikat bertanya lagi kepada si botak anugerah apa yang kamu inginkan, si botak meminta unta dengan izin Allah seketika itu diberi unta dan kepadanya beranak dengan ramainya hingga memenuhi bukit-bukit dan lembah-lembah.

Lalu malaikat pula datang kepada orang yang berpenyakit kusta dan berkata, Apakah yang kamu inginkan? Jawab si kusta saya berharap dari Allah agar memindahkan dan mempercantikkan kulit saya serta sembuh dari kecacatan ini, lantas ia memohon kepada Allah dengan sekelip mata maka apa yang dikehendakinya termakbul, maka malaikat bertanya: Apa yang kamu inginkan lagi? Jawab si kusta: Saya inginkan lembu, dan dengan tidak semena-mena dia dikurniakan lembu yang beranak ramai sehingga memenuhi bukit.

Kemudian Malaikat pergi mendatangi pula orang yang buta, lalu bertanya apa yang kamu harapkan daripada Allah? Maka jawabnya si buta ia berharap agar Allah mengembalikan penglihatan kepadanya, lalu Malaikat berdoa dan dengan tidak semena-mena, maka si buta pun sembuh dan dapat melihat, maka malaikat bertanya lagi: Apakah yang kamu inginkan? Si buta yang telah celik ini menjawab: Kambing, lalu Allah mengurniakan kambing kepadanya dengan tidak disangkanya kambing ini beranak dengan ramai sehingga memenuhi bukit.

Masa berlalu, maka malaikat menyerupai fakir miskin dan pergi bertemu dengan si botak lalu berkata, aku seorang fakir dan miskin yang tiada ahli keluarga untuk bergantung nasib aku bergantung nasib. Cuma berdoa kepada Allah dan mengharapkan daripadamu agar diberi sebahagian hartamu, maka si botak berkata bahawa ia mempunyai banyak tanggungan dan di mana harta-hartanya ia dapat secara keturunan dan tidak dapat diberikan pada sifakir yang miskin ini, lalu malaikat bertanya bukankah kamu dulu seorang yang botak dan miskin? Si botak menjawab dengan angkuhnya: Oh tidak, harta ini adalah harta warisan turun temurun keluarga ku jawab si botak, maka malaikat berkata jika sekiranya kamu tipu maka Allah akan kembalikan kamu kepada keadaan asalmu, maka seketika

itu juga Allah mencabut kembali nikmatnya yang dipinjamkan, maka kembalilah si botak kepada keadaan asal.

Lalu malaikat bertemu pula dengan si kusta, lalu berkata saya ni miskin lagi fakir tidak ada ahli keluarga tempat bergantung nasib, tanpa menunggu si kusta menyampuk, lalu berkata: Aku tidak ada apa yang hendak dibahagikan kerana aku banyak tanggungan, dan ini merupakan harta keturunanku, bukankah kamu dulu miskin dan berpenyakit kusta? Jawab si kusta: Oh tidak, aku memang keturunan kaya! Maka Malaikat berkata: Jika sekiranya kamu menipu, kamu akan kembali seperti asalmu. Dengan izin Allah, segala nikmat yang dipinjamkan ditarik semula, maka kembalilah si kusta kepada keadaan asalnya yang miskin dan cacat. Masa berlalu, si buta merupakan seorang yang taat dan yakin dengan kekuasaan Allah, dia merupakan hamba yang mengakui nikmat-nikmat adalah kurniaan Allah, maka dia sentiasa bersyukur kepada Yang Maha Pengurnia, seorang penyair mengatakan:

*Apabila bersyukur terhadap nikmat Allah adalah nikmat pula*

*Lalu di mana syukur itu dapat dilakukan,*

*bahkan bagaimana mensyukurinya?*

Si buta seorang beriman tetapi emas, perak dan kekayaan dunia hampir menjadikannya lupa pada suatu hari ia tertidur lalu bermimpi, datang padanya seorang tua dan ingin membeli penglihatannya dengan seratus ribu dinar, maka jawabnya tidak. Lelaki tua itu menawarkan satu persatu anggota badannya dan setiap satu hendak digantikan dengan seratus ribu dinar, maka si buta pun terjaga daripada lenanya lantas menangis dan berkata: “Bagi-Mu segala puji wahai Tuhanku.”

Tidak lama selepas itu maka datang orang miskin kepada si buta lalu berkata orang miskin itu aku tidak ada tempat untuk bergantung hidup aku berharap kepada kamu yang mempunyai kekayaan, lantas si buta berkata: Sedangkan aku dahulu ialah seorang yang buta, lalu Allah memberi nikmat penglihatan padaku, aku juga miskin, lalu Allah mencukupiku dengan kekayaan yang dikurniakannya.

Maka demi Allah, aku tidak akan meminta balasan daripada yang engkau ambil dari hartaku dan aku tidak akan mengejimu daripada yang engkau tinggalkan,

maka lantas si miskin ini memperkenalkan dirinya dengan berkata: Aku adalah Malaikat yang datang dari langit dan aku menyampaikan padamu bahawa Allah telah reda denganmu dan Allah murka terhadap kedua-dua sahabatmu yang dulu.

